

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[JELEBU – BN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dijalankan antara pihak Kementerian dan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi meningkatkan ranking Bola Sepak negara.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan sukan Bola Sepak negara adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Namun begitu, Kementerian sentiasa komited untuk membantu memperkasakan lagi sukan ini dalam aspek pembangunan dan kewangan bagi meningkatkan prestasi serta kualiti sukan Bola Sepak negara.
  
2. Program Pembangunan Bola Sepak Malaysia (PPBN) yang diperkenalkan pada tahun 2009 telah dinilai semula akibat kegagalan pasukan Bola Sepak Bawah 16 tahun untuk melayakkan diri ke kejohanan Piala Dunia Bawah 17 tahun yang akan berlangsung di Peru pada tahun ini. Justeru itu, penstrukturkan semula Program Pembangunan Bola Sepak Negara Tahun 2019 – 2025 telah disediakan dengan beberapa penambahbaikan seperti memperkemaskan struktur kejurulatihan, memperkuuhkan kerjasama bersama pemegang taruh, memperkenalkan

## SOALAN NO. 199

skim gaji yang lebih berstruktur dan modul pendidikan persendirian di Akademi Mokhtar Dahari (AMD). Menjelang tahun 2025, PPBN disasarkan untuk mempunyai 500 pusat latihan, 85,735 pemain dan 3,945 jurulatih.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian telah menubuhkan Akademi Bola Sepak Negara Mokhtar Dahari (AMD) bagi menempatkan pemain-pemain elit negara yang berumur di antara 13 hingga 17 tahun dari seluruh pelusuk negara. Seramai lapan (8) orang pemain AMD yang bersaing dalam Piala Presiden Bawah 21 tahun anjuran FAM merupakan antara pemain utama pasukan Malaysia Bawah 19 tahun. Salah seorang pemain dalam pasukan ini juga telah dipilih sebagai Kesebelasan Utama Terbaik (*first eleven*) dalam Kejohanan Sanix Cup 2019 di Jepun.

4. Selain memperbanyakkan lagi perlawanan persahabatan Kelas-A, satu lagi inisiatif jangka masa panjang yang telah dirangka oleh FAM adalah proses naturalisasi pemain. Naturalisasi atau dwi-kerakyatan adalah satu keadaan di mana seseorang pemain itu mewakili negara yang berbeza daripada negara yang diwakilinya ketika ini. Inisiatif ini telahpun diimplementasi oleh negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, Great Britain, Spain dan Brazil untuk meningkatkan mutu permainan pasukan mereka.

5. FAM juga telah melancarkan Peta Hala Tuju atau “Roadmap FAM” yang dikenali sebagai F:30, dengan matlamatnya untuk menjadi lima negara terbaik Asia menjelang 2030. Lima elemen utama dalam Peta Hala Tuju ini adalah sasaran strategik *ranking* bola sepak Malaysia, sasaran untuk skuad kebangsaan semua peringkat, falsafah bola sepak Malaysia, pembinaan ibu pejabat baru FAM dan Pusat Kecemerlangan Bola Sepak Kebangsaan serta Program Pengadil Profesional.

Sekian, terima kasih.